

**RISALAH UNTUK PESAKIT.** Oleh Badiuzzaman Said Nursi. Turkiye. Penerbitan Hayrat 2022 (Cetakan Pertama). Halaman 75. No ISBN 978-605-193-510-2

Buku Risalah Untuk Pesakit yang dikarang oleh Badiuzzaman Said Nursi adalah salah satu koleksi Risalah An Nur. Bagi memberi sedikit gambaran jelas kepada pembaca, Risalah An Nur adalah koleksi atau himpunan 130 risalah yang terhimpun di empat buku utama iaitu *al-Kalimat* (Kalimah-Kalimah), *al-Maktubat* (Surat-Surat), *al-Lama'at* (Kilauan) dan *as-Syua'at* (Sinaran). Tentang buku ini, Risalah Untuk Pesakit adalah merupakan satu risalah daripada koleksi buku daripada *al-Lama'at* (Kilauan) iaitu kilauan ke-25. Buku ini telah ditulis pada tahun 1935 bertujuan dapat dijadikan ubat, ilmu, semangat, pedoman dan penawar yang manfaat bagi kesembuhan kepada pesakit-pesakit dan kepada yang ditimpa musibah. Buku ini telah diterjemahkan kepada bahasa Melayu oleh jawatankuasa Pusat Penterjemahan dan Kajian Ilmiah Penerbitan Hayrat iaitu terdiri daripada pakar-pakar yang boleh menguasai bahasa Turki-Uthmani, Arab dan Melayu bagi memastikan isi dan maksud asal tidak berubah. Bagi memudahkan plot penceritaan berkaitan buku ini telah terbahagi kepada 25 bahagian dengan menggunakan istilah “ubat” iaitu ubat pertama hingga ubat kedua puluh lima.

Permulaan bagi buku ini menjelaskan tentang bahagian pertama iaitu ubat pertama. Penulis membincangkan tentang nasihat kepada insan yang ditimpa penyakit atau musibah supaya tidak bersedih dan kecewa sebaliknya perlu bersyukur. Sakit atau musibah bukanlah satu penderitaan tetapi boleh diumpamakan sebagai modal. Seterusnya, ubat kedua pula, dinasihatkan kepada yang ditimpa sakit atau musibah, hendaklah bersabar dan bersyukur. Dengan sakit, ianya telah mengubah tiap-tiap minit umur menjadi ibadah, dengan syarat tidak mengadu dan mengeluh kepada Allah. Ubat ketiga yang ditulis dalam buku ini adalah, memberi peringatan manusia. Manusia tidak diciptakan ke dunia ini hanya untuk hidup dengan selesa dan menghabiskan sisa usianya di dalam kerehatan dan keriangian. Sekiranya tiada penyakit, kesihatan dan keafiatan akan menatijahkan kelalaian, memperlihatkan dunia sebagai menawan dan akan menyebabkan lupa pada akhirat. Penyakit akan membuka mata dengan meninggalkan kesombongan dengan sentiasa mengingati pencipta, kematian dan alam kubur. Sekiranya penyakit yang datang ini amat berat maka manusia hendaklah memohon kepada Allah agar diberikan kesabaran. Begitu juga pada bab ubat keempat, dijelaskan manusia pasti bergembira dan bersyukur sekiranya manusia dapat melihat nikmat kesakitan. Pada bab ini penulis menjelaskan bahawa kita tidak seharusnya mengeluh dan perlu berdoa kepada Tuhan supaya mendapat kesabaran yang tinggi dalam menghadapi ujian kesakitan.

Pada bab ubat kelima, diterangkan juga penawar bagi kesakitan yang dianugerahkan oleh Allah. Manusia sesungguhnya tidak patut berungut kerana sesungguhnya penyakit merupakan satu nikmat Ilahi. Di dalam bab ubat keenam, dijelaskan bahawa kepada manusia yang sering mengeluh akan ujian penyakit sedarlah bahawa penyakit mengajar manusia supaya tahu nikmat bersyukur. Bersyukur semasa mendapat nikmat sihat dan lidah akan sentiasa dibasahi dengan zikrullah serta alhamdulillah. Penyakit itu mengingatkan manusia tentang makna bahawa tubuh kita bukanlah diperbuat daripada besi atau batu. Maka hendaklah tinggalkan keangkuhan yang ada dalam diri, faham akan kelemahan diri dan berbaliklah kepada pencipta manusia iaitu Allah, fahami tugas dan pelajarilah mengapa kita dicipta hidup di dunia. Demikian pada bab ubat yang ketujuh, penyakit dapat mendidik manusia supaya erti nikmat Syukur. Diumpamakan sekiranya penyakit ini tiada ditubuh badan sama ada di kepala, badan, perut, dada, maka “adakah kita akan merasai lalu mensyukuri nikmat Ilahi yang lazat dan nikmat disebalik kesihatan kepala, tangan dan perutmu?” Maka sudah tentu kita bukan sahaja tidak bersyukur

bahkan kita tidak akan pernah memikirkan tentangnya, bahkan akan menggunakan kesihatan itu di dalam kemungkaran dengan kelalaian tanpa sedar.

Sakit merupakan penghapus dosa. Didalam bab ubat kelapan, penulis membincangkan tentang penawar bagi manusia yang ditimpa penyakit, bahawa penyakit diibaratkan seperti sabun. Ianya membasuh dan membersihkan kekotoran-kekotoran dosa. Adalah terbukti melalui hadis-hadis sahih bahawa penyakit-penyakit itu merupakan *kafarah az-zunub* (penghapus dosa). Kematian merupakan perkara yang ditakuti oleh setiap insan. Dalam bab ubat kesembilan, memandangkan inilah perihal kematian daripada noktah hakikat maka adalah tidak seharusnya untuk memandang kematian sesuatu yang menggerunkan. Sebaliknya hendaklah memandangnya melalui pandangan bahawa ia adalah mukadimah rahmat dan kebahagiaan. Sesungguhnya bagi orang-orang yang beriman kematian merupakan pintu rahmat.

Setiap yang bernyawa pasti merasa risau dan bimbang. Perasaan risau dan bimbang adalah kepada yang tidak pasti. Risau yang sia-sia amatlah merugikan. Ini yang dibincangkan oleh penulis di dalam bab ubat kesepuluh. Kerisauan yang berlebihan akan memarahkan lagi penyakit. Penawar bagi meringankan sakit adalah dengan tidak memikirkan kerisauan yang berlebihan. Kita disaran untuk memikirkan tentang faedah-faedah penyakit, pahala-pahalanya dan hakikat bahawa sakit ini akan segera berlalu. Hapuskanlah kerisauan dan potonglah akar-akar penyakit tersebut, maka kita akan berasa redha dan sentiasa tenang dan sabar. Kunci dalam segala perkara dan masalah adalah sabar. Di dalam bab ubat kesebelas, penulis menasihatkan agar tidak merosakkan nilai kekuatan dan kesabaran yang dianugerahkan oleh Allah yang ada dalam diri. Gunakan kekuatan sabar yang ada untuk menghadapi kesakitan dan ucapkanlah *Ya Sabar* dan bertahanlah.

Pada saat manusia lain yang tidak diberikan ujian kesakitan dapat beramal dan beribadat kepada Allah, sudah tentu manusia yang ditimpa sakit akan bersedih kerana tidak dapat mengamalkan ibadah dan wirid. Dalam bab kedua belas, penulis mengingatkan akan janji Allah. Kesakitan membuatkan manusia menyedari kelemahan dan kedaifannya. Dengan itu membuatkan dia berdoa dan sentiasa meminta kepada Allah, maka manusia sentiasa kembali ke hadrat Ilahi, memohon, merayu dan berdoa kepadaNya. Sesungguhnya penyakit merupakan khazanah yang sangat penting. Ia juga merupakan satu hadiah Ilahi yang sangat berharga kerana pesakit boleh membayangkan tentang penyakitnya dan sentiasa bersedia dengan ajal memandangkan Allah merahsiakan setiap ajal manusia. Di dalam bab ubat ketiga belas, penulis menekankan tentang sakit manusia tidak akan berada dalam kelalaian dan sentiasa memikirkan akhirat yang lebih abadi. Maka dengan sebab itu mereka sentiasa bersedia. Memandangkan penyakit-penyakit itu mempunyai manfaat seperti ini, maka tidak sepatutnya mengeluh disebabkan, bahkan wajib bersyukur kepada Allah, bersabar, bertawakal serta bergantung kepada rahmat Ilahi.

Di dalam bab ubat keempat belas, penulis menerangkan tentang penawar bagi pesakit yang matanya dihijabkan atau buta. Seorang pesakit yang beriman, matanya dihijabkan akan berasa seribu kesyukuran andainya mengetahui bagaimanakah cahaya dan mata maknawi yang ada di sebalik hijab yang menutup matanya itu. Sesungguhnya boleh jadi kamu amat membenci sesuatu, padahal ia amat baik bagimu. Diceritakan oleh penulis di dalam bab ini bahawa pada suatu masa dahulu terdapat seorang wanita yang beriman yang matanya buta. Beliau meminta mendoakan semoga beliau kembali untuk melihat. Lalu didoakan untuk kesembuhan mata wanita tersebut. Keesokan harinya, seorang pakar mata mengubati mata wanita tersebut. Dengan izin Allah, matanya dapat melihat semula. Namun selepas empat puluh hari, matanya

kembali buta dan beliau telah menemui ajal. Rupa-rupanya sebagai gantian beliau dapat melihat dan memerhati taman-taman syurga di dalam alam kubur.

Pesakit kebiasaan akan mengaduh dan mengerang. Di dalam bab ubat ke lima belas, penulis membincangkan tentang perkara yang sering diadu oleh para pesakit. Tidak seharusnya mengerang atau mengaduh, serta janganlah memandang kepada kesakitan lalu merintih betapa sakitnya. Sebaliknya pandanglah kepada makna ujian kesakitan dan berkatalah 'betapa nikmatnya'. Allah tidak pernah sesekali memberikan yang tidak baik kepada hambanya. Kesemua ujian dan anugerah Allah ada hikmah disebaliknya. Jika mengeluh segala amalan dan ibadah yang dilakukan hanyalah sia-sia, mereka ini tidak akan diterima dan akan jatuh ke jurang kaum yang lalai serta akan melalui jalan yang gelap. Allah akan mengangkat darjat manusia yang bersabar seperti orang yang mati syahid sekiranya sesuatu penyakit berakhir dengan kematian.

Sesungguhnya penyakit menyuntik rasa hormat dan belas kasihan yang sangat penting dan amat indah dalam kehidupan bermasyarakat. Seterusnya, bagi bab ubat keenambelas, penulis membincangkan kelebihan ujian kesakitan dimana ianya akan meningkatkan rasa hormat, Bagaimana penyakit boleh meningkatkan rasa hormat adalah sebagai contoh, apabila seseorang itu sakit, dia akan memahami kelemahan dan kefakirannya dalam penyakit itu, lalu dia akan menghormati saudara-saudaranya yang hadir menzيرahinya dan membantunya. Sifat belas kasihan akan tertanam dalam diri. Rasa keperihatinan sesama sendiri merupakan sifat keislaman yang paling penting. Sikap ini akan berterusan dimana kelak mereka pula akan menziarahi saudara yang sakit dan membantu apa jua kesulitan yang diperlukan oleh si pesakit.

Sudah pastinya manusia akan mengeluh dan bersedih apabila ditimpa penyakit kerana tidak berupaya melakukan kebaikan. Di dalam bab ubat ketujuhbelas, hendaklah bersyukur kerana yang membuka pintu kebaikan yang paling murni pada kita adalah penyakit. Penyakit bukan sahaja mendidik pesakit malah dapat memberi kebaikan dan pahala buat orang di sekelilingnya. Sesungguhnya di dalam hadis sahih yang bermaksud "*mintalah doa daripada mereka yang sakit kerana doa mereka adalah mustajab*". Terutamanya jika mereka yang sakit itu adalah ibu bapa kita maka berkhidmatlah kepada mereka adalah satu ibadah yang penting dan memiliki satu pahala yang besar. Maka inilah amalan kebaikan yang dapat diberikan oleh pesakit dengan mentarbiah dan mendidik orang di sekelilingnya membuat kebaikan dan mendapat ganjaran dan pahala yang besar disisiNya.

Syukur merupakan salah satu jambatan kepada kebaikan. Pada bab ubat ke lapan belas, penulis menekankan bahawa pesakit tidak seharusnya meninggalkan kesyukuran lalu sentiasa mengadu dan membanding-bandingkan. Bagi mendapat erti syukur yang sebenar, pesakit hendaklah memandang kepada pesakit yang lebih berat sakit dan ujiannya lalu bersyukurlah. Sesungguhnya penyakit itu dihantar sebagai tetamu kepada tubuh bagi menyucikan, membersihkan dan menguatkan. Keadaan ini ditulis oleh penulis di dalam bab ke sembilan belas. Ujian penyakit akan membuatkan kehidupan lebih bermakna dan dijalani dengan penuh makna. Tanpa adanya ujian kesakitan dan lain-lain, kehidupan adalah mendatar dan penuh dengan kebosanan.

Di dalam bab ubat kedua puluh, penulis membincangkan jenis penyakit dan ubat-ubat penawar bagi setiap penyakit. Terdapat dua bahagian penyakit iaitu satu adalah hakiki dan yang kedua adalah berbentuk *waham* (berdasarkan sangkaan). Penulis menasihatkan supaya mengenalpasti jenis penyakit. Sekiranya penyakit *waham* ini melanda hendaklah jangan menghiraukannya

kerana ianya adalah sangkaan, semakin seseorang itu mengambil berat akannya, maka ia akan semakin membesar dan merebak. Sebaliknya jika tidak dihiraukan maka ia akan semakin mengecil lalu lenyap terurai. Ini adalah perkara penting yang perlu diberi perhatian kerana penyakit waham ini jika ianya berlanjutan, dalam tempoh yang lama, maka ia akan berubah menjadi penyakit hakiki. Ia merupakan penyakit parah pada manusia yang banyak berprasangka dan pamarah. Ia diumpamakan seperti sebutir benih sebagai satu kubah. Kekuatan rohani juga akan menjadi rapuh, lebih-lebih lagi sekiranya dia berjumpa dengan para doktor yang tidak berperikemanusiaan, maka ini akan lebih menambahkan *waham* dan prasangkanya. Lantas sekiranya dia berharta maka hartanya akan hilang. jika tidak sama ada akal nya akan hilang ataupun kesihatannya yang akan hilang.

Di dalam bab ubat kedua puluh satu, penulis menekankan bahawa sekali lagi tidak seharusnya merungut tetapi bersyukurlah. Begitu juga keadaannya di dalam bab ubat kedua puluh dua, bagi manusia yang diuji dengan penyakit-penyakit kronik seperti lumpuh. Lumpuh dikira sebagai penyakit yang diberkati. Penulis mengesahkannya sendiri apabila beliau sendiri pernah mendengarnya daripada wali. Sesungguhnya, untuk sampai kepada Allah, untuk menyelamatkan diri daripada bahaya-bahaya maknawi yang besar di dunia dan untuk meraih kebahagiaan abadi, para *Ahlullah* (mereka yang dekat dengan Allah) secara sedar mengikuti dua asas iaitu pertamanya *Rabitah al Maut* (memikirkan kematian) yakni mereka berusaha untuk meraih kehidupan abadi mereka dengan cara memikirkan bahawa dunia ini adalah fana dan merupakan tetamu yang diberi tugas di dalamnya. Keduanya untuk menyelamatkan diri daripada bahaya-bahaya nafsu amarah dan perasaan yang buta, mereka berusaha membunuh nafsu amarah menerusi *mujahadah* dan *riadah*. Oleh yang demikian kepada saudara yang diuji dengan kehilangan kesihatan bagi separuh daripada tubuhnya, janganlah bersedih sebaliknya perlu bertakwa kepada Allah dan Allah telah menjanjikan kebahagiaan yang abadi.

Penawar bagi pesakit di dalam bab ubat kedua puluh tiga adalah berkaitan dengan keseorangan dan keterasingan. Pesakit akan merasa terasing, berseorangan dan sunyi. Menurut penulis, keterasingan dan keseorangan yang menemani penyakit boleh menjadikan hati yang paling keras berasa belas dan lembut serta ianya mampu mengundang pandangan belas kasihan terhadap si pesakit. Maka bertawakkal dan bertakwalah dalam menempuhi ujian kerana nikmat yang Allah ganjarkan adalah amat banyak.

Di dalam bab ubat kedua puluh empat, penulis membincangkan penawar bagi pesakit kanak-kanak dan orang tua misalnya. Penyakit kanak-kanak yang tidak berdosa itu merupakan satu latihan dan riadah untuk tubuh mereka yang lembut. Serta itu adalah suntikan untuk memberikan daya pertahanan menghadapi huru-hara duniawi masa hadapan dan satu tarbiah rabbani. Di samping mempunyai hikmah yang banyak bagi kehidupan duniawi kanak-kanak itu, sebagai ganti kepada *kafarah az-zunub* (penghapus dosa). Pada golongan dewasa yang menjaga kanak-kanak akan dimasukkan ke dalam buku catatan amalan para ibu bapa terutamanya ke dalam muka surat kebajikan ibunya yang mengutamakan kesihatan anaknya melalui rahsia *syafaqah*.

Di dalam bab ubat kedua puluh lima iaitu yang bab yang terakhir, penulis menekankan sekali lagi bahawa ubat bagi setiap penyakit adalah keimanan. Keimanan merupakan penawar yang suci. Ubat yang datang daripada keimanan itu ialah taubat, *istighfar* solat dan *ubudiyah*. Jauhilah kelalaian, kehendak hawa nafsu dan hiburan yang haram kerana perkara-perkara ini akan menghalang keberkesanan penawar tersebut. Penulis menasihatkan supaya menggunakan peluang tersebut.

Kesimpulannya, buku ini adalah sebuah buku yang ringkas tetapi sangat padat kerana ianya merupakan karya daripada penulis berdasarkan daripada sumber al-Quran, hadis-hadis yang sahih serta pengalaman-pengalaman dan pandangan penulis berkaitan dengan nasihat dan pedomaan buat para pesakit. Penulisan yang sangat terperinci dengan ayat yang indah dan ditulis dengan perbincangan tentang kehalusan-kehalusan al-Quran yang memberikan ketenangan kepada akal. Dengan limpahan dan ilham daripada al-Quran, para alim yang *muhaqqiq* dan *mudaqqiq* menulis tentang pedoman yang sesuai bagi setiap kurun dan merawat penyakit dengan penawar yang diambil daripada farmasi kalam Ilahi.

Buku ini amat sesuai digunakan sebagai bahan bacaan dan panduan bagi pesakit kerana terdapat perkongsian tentang 25 ubat dan penawar. Buku ini juga dapat mendidik hati supaya sentiasa reda, syukur, bertawakkal dan meminta serta berserah kepada Allah. Pada akhir buku ini terdapat tambahan bagi Kilauan ke 25 iaitu ucapan takziah untuk anak yang meninggal dunia, khabar gembira dan ketenangan yang hakiki kepada ibu bapa yang kehilangan anak.

Dalam buku ini juga, penulis ada menyertakan hadis-hadis sahih serta potongan ayat al-Quran bagi memastikan penulisan yang lebih komprehensif. Laras bahasa yang digunakan agak tinggi dengan falsafah yang agak dalam, kekayaan bahasa dan penggunaan terminologi daripada disiplin ilmu yang pelbagai. Ini adalah kerana penulis merupakan seorang ulama intelektual berkaliber dan juga menghafal banyak buku *Turath* Islam dan sains. Maka proses terjemahan buku bukanlah suatu perkara yang mudah namun, hasil daripada tuaian pemikiran, petikan kesungguhan, hasil penat lelah buku ini berjaya diterjemahkan dan diterbit dengan bahasa yang mudah difahami. Terdapat perkataan-perkataan khas atau kata nama khas yang diberikan maksud dengan tersedianya rujukan pada bahagian nota kaki dalam setiap helaian muka surat. Dengan ini memudahkan pembaca membuat rujukan segera sekiranya terdapat perkataan yang sukar difahami. Jenis tulisan dan saiz tulisan yang digunakan bersesuaian dengan buku selain kertas yang digunakan berkualiti dan tidak berat untuk dibawa ke mana-mana. Kulit muka hadapannya ada memaparkan tajuk. Biodata ringkas penulis juga dimasukkan selepas bab terakhir. Susun atur penulisannya kemas dan setiap bab baharu akan dimulakan dengan warna tulisan yang berbeza dan sangat jelas.

#### **Rujukan:**

Badiuzzaman, S. N. (2022). *Risalah Untuk Pesakit*. Turkiye: Penerbitan Hayrat.

**Zahanim Ahmad**

**Ayu Nor Azilah Mohamad**

Jabatan Kenegaraan dan Pengajian Ketamadunan

Pusat Pengajian Teras

Universiti Islam Selangor